

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 3 APRIL 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1421-L03928
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membendung ancaman siber yang boleh mengugat kedaulatan negara jika tidak ada langkah-langkah yang proaktif dilakukan.

2. PR-1421-L03040
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah kos pembinaan Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS). Adakah seluruh jumlah kos pembinaannya telah selesai dibayar. Jika belum berapakah lagi baki kos pembinaan yang belum diselesaikan.

3. PR-1421-L03571
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status terkini kebenaran eksport buah durian sejuk beku dalam bentuk biji ke negara Cina. Cara dan syarat permohonan dengan teliti bagi bakal pengeksporth buah tersebut.

4. PR-1421-L03380
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan skim-skim latihan yang sedia ada dan bakal dilaksanakan bagi melatih para graduan yang sudah menamatkan pengajian.

5. PR-1421-L03411
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian akan mengambil pendirian untuk mewajibkan suntikan vaksin diberikan kepada kanak-kanak yang baru lahir. Bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk menangani masalah ibu bapa yang menolak suntikan vaksin.
6. PR-1421-L03952
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan strategi pembukaan pasaran baru sawit di Afrika dan apakah perancangan Kementerian dalam meningkatkan bahan api sawit dalam diesel petroleum kepada B20.
7. PR-1421-L03767
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibiu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimana caranya untuk membantu belia yang melibatkan diri dalam pengeluaran filem dan program hiburan tempatan. Adakah RTM sudi membeli hasil pengeluaran visual tempatan, nyatakan caranya.
8. PR-1421-L02894
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah peruntukan pembangunan untuk kawasan IADA Barat Laut Selangor sepanjang 2018 dan 2019.
9. PR-1421-L02976
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengapa pihak pemaju perlu membuat bayaran kepada Telekom semasa memajukan sesuatu projek padahal Telekom yang ingin menjalankan perniagaan di kawasan projek tersebut.
10. PR-1421-L03668
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mempertimbangkan penggabungan sekolah kurang murid di Sarawak adalah salah satu langkah penambahbaikan bagi mengatasi sekolah daif dan bina semula sekolah bersepadu yang baru.
11. PR-1421-L03356
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan prosedur untuk mendapat geran peruntukan RM10,000 setiap tahun bagi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang menyukarkan pihak MPKK.

12. PR-1421-L03826
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah tenaga kerja awam dan swasta yang telah diberhentikan kerja selepas Pakatan Harapan (PH) menjadi Kerajaan dan berapa ramaikah daripada mereka yang telah mendapat faedah daripada Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan dan dalam bentuk apa.
13. PR-1421-L03645
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status pemberian geran RM10,000 kepada setiap MPKK Kampung dan apakah syarat atau kriteria yang perlu dipatuhi sebelum geran ini diturunkan ke akaun MPKK.
14. PR-1421-L03191
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah tambahan yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan segala aset Kerajaan tidak disalahguna oleh mana-mana pihak bagi menjalankan gerak kerja parti.
15. PR-1421-L03405
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan murid yang tercicir dari sekolah mengikut umur dan negeri dan apakah kaedah-kaedah yang telah diambil untuk mengatasi dan menambah baik masalah tersebut.
16. PR-1421-L03257
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan bagi meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli di Malaysia. Apakah bantuan yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli serta apakah penambahbaikan dari segi hal ehwal ekonomi.
17. PR-1421-L04149
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha-usaha untuk menambahkan rangkaian UNIFI sebagai ganti kepada Streamyx. Nyatakan mengapa UNIFI selalu enggan memberikan rangkaian yang mencukupi walaupun untuk tempat kediaman di bandar dengan berpandukan alasan kekurangan permintaan pasaran.

18. PR-1421-L03283
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jenis kerjasama yang diadakan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menjaga kebajikan wanita dalam sektor awam, serta perubahan positif yang dibuat dalam satu tahun lepas dari segi memberi fleksibiliti ataupun kemudahan kepada penjawat awam wanita terutamanya yang mempunyai anak kecil.
19. PR-1421-L04176
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan impak terhadap penambahan laluan penerbangan bagi Kuala Lumpur ke Sarawak seperti Sibu-Kuala Lumpur dan Sibu-Johor pada musim perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini dan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan harga tiket penerbangan domestik juga lebih rendah/mampu dibeli oleh mereka yang ingin balik ke kampung pada musim perayaan.
20. PR-1421-L03157
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kementerian akan meneruskan dasar 90:10 pengambilan guru anak tempatan bagi Sabah dan Sarawak ; dan
 - (b) berapa peratus yang sudah dicapai dan bilakah sasaran 90% untuk anak Sabah dan Sarawak itu dijangka akan dicapai.
21. PR-1421-L03185
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan projek *River of Life* yang didapati terbengkalai yang mana kontraktor tidak meneruskan projek dan sekarang menimbulkan kesesakan lalulintas dan apakah jaminan Kementerian untuk menyiapkan projek secepat mungkin.
22. PR-1421-L03261
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kaedah pembayaran (*disbursement mechanism*) dividen khas (berjumlah RM30 bilion) PETRONAS kepada Kerajaan. Apakah ianya akan dibayar secara '*lump sum*' atau secara beransur-ansur. Mohon dinyatakan jadual pembayaran.

23. PR-1421-L03665
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan mengapa Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, tidak mewajibkan “*Detailed Environmental Impact Assessment*” (DEIA) untuk projek bauksit di Kuantan yang melibatkan kawasan hampir 4,000 hektar memandangkan isu ini amat memudaratkan alam sekitar dan sangat dititikberatkan oleh rakyat jelata.
24. PR-1421-L03712
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan signifikasi pihak Kementerian mempamerkan senarai perbandingan harga petrol dan diesel terkini bagi negara-negara jiran ASEAN dengan Malaysia di stesyen minyak dan adakah Kerajaan akan menetapkan harga pasaran petrol dan diesel pada harga tetap untuk suatu tempoh masa bagi menggantikan mekanisme sistem apungan.
25. PR-1421-L04154
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah baru yang telah diambil bagi mengangkat kualiti hasil pertanian seluruh negara.
26. PR-1421-L03539
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah syarikat dan entiti yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti bagi membolehkan mereka menjalankan operasi penggunaan dan pindah milik mata wang digital dan kripto yang telah digazetkan sebagai suatu bentuk sekuriti bermula Januari lalu dan apakah syarat-syarat utama pendaftaran dan regulasi yang dikenakan kepada syarikat serta entiti tersebut.
27. PR-1421-L03790
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah sumbangan Pegawai Pemantau Harga (PPH) dalam membantu Kementerian memantau harga barangan di pasaran memandangkan Program Pemantauan Harga telah diwujudkan lebih 10 tahun dan apakah perancangan Kementerian dalam memastikan kesinambungan kutipan data harga barangan keperluan rakyat diteruskan pada masa akan datang.

28. PR-1421-L03978
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap majikan-majikan yang telah melanggar garis panduan khususnya tidak membenarkan pekerja Islam menunaikan kewajipan solat Jumaat seperti yang sangat berleluasa ketika ini.
29. PR-1421-L04130
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapakah harga diesel di pasaran lebih tinggi berbanding harga RON95. Apakah formula yang digunakan bagi mengira harga minyak tersebut.
30. PR-1421-L03764
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status terkini projek "*Low Weir*" Air KADA bagi pengairan sawah di Pengkalan Kubur, Salor.
31. PR-1421-L03058
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pekerjaan baru dalam bidang pembuatan dan perdagangan untuk tahun 2017, 2018 dan jangkaan tahun 2019. Apakah usaha-usaha untuk pastikan jumlah itu bertambah, berapa bilangan bergaji tinggi dan berapa peratus pekerja tempatan dibanding pekerja asing.
32. PR-1421-L03634
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk menyerahkan tanah tapak Pangkalan Tentera Laut di Tanjung Batu, Labuan untuk pembangunan berkaitan komersial dan pelancongan memandangkan operasi tentera laut sudah berpindah daripada Labuan ke Sepanggar.
33. PR-1421-L03900
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani kes-kes kecurian bot nelayan yang disyaki didalangi oleh warganegara asing khususnya kes yang melibatkan kecurian beberapa bot nelayan seperti mana berlaku di Port Dickson yang dipercayai berpangkalan di Pulau Rupert, Selat Melaka.

34. PR-1421-L03872
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah alasan keengganan pihak Kerajaan mendedahkan laporan Majlis Penasihat Kerajaan.
35. PR-1421-L03612
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini mengenai rancangan untuk menghapuskan hutang tidak wajar para peneroka FELDA.
36. PR-1421-L03313
Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada kajian oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan *Forest Research Institute Malaysia* (FRIM) berhubung dengan perancangan untuk mengubah dasar perhutanan negara kepada hutan simpan kekal dan peladangan hutan diteruskan dan bila siap. Kalau tidak kenapa.
37. PR-1421-L04218
Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan untuk memperhebatkan penanaman kelapa di Sarawak. Apakah prospek pemasaran dan harga pasaran tanaman kelapa di masa hadapan. Apakah insentif yang sedia ada untuk pekebun kelapa.
38. PR-1421-L04080
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah ketidakcukupan doktor di hospital-hospital Kerajaan; dan
 - (b) apakah langkah yang diambil untuk menangani masalah tekanan mental yang dihadapi oleh doktor yang semakin meningkat.
39. PR-1421-L03328
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) statistik perniagaan kecil dan sederhana (SME) tempatan yang melibatkan diri dalam pasaran eksport melalui kerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE); dan
 - (b) sektor atau industri perniagaan tempatan yang memiliki permintaan tinggi di pasaran antarabangsa.

40. PR-1421-L03681
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan membuka semula sempadan Wang Kelian sebagai kawasan bebas gerak (Zon Bebas Gerak) seperti dalam jarak 3 KM sebelah sempadan Malaysia dan Thailand seperti yang dilaksanakan pada masa yang lepas.
41. PR-1421-L03752
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa ramaikah usahawan luar bandar yang dilatih telah keluar daripada masalah kemiskinan dan tidak lagi memerlukan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
42. PR-1421-L02877
Dato' Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk membawa balik 47 rakyat Malaysia yang terkandas serta ditipu di Kambodia baru-baru ini.
43. PR-1421-L03119
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) statistik kebolehpasaran pelatih di Kolej Vokasional (KV) dan Kolej Komuniti terkini dan ; dan
 - (b) langkah penambahbaikan yang bakal diambil Kementerian bagi kedua-dua institusi pendidikan tersebut.
44. PR-1421-L03855
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang dirancang oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran kelapa sawit kepada luar negara untuk tahun 2019 dan seterusnya mahupun dalam jangka masa pendek atau jangka masa panjang ; dan
 - (b) apakah inisiatif yang diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha untuk meringankan beban para peladang kecil memandangkan pasaran sedunia terjejas.

45. PR-1421-L04247
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pelaksanaan dan keberkesanan program Dana Rumah Mampu Milik (Dana) oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan apakah strategi lain Kementerian untuk mengatasi masalah rakyat mendapatkan pinjaman untuk membeli rumah mampu milik.
46. PR-1421-L03941
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif Kementerian dalam mencegah penularan dadah baru yang murah dan mudah didapati dalam kalangan remaja hari ini.
47. PR-1421-L02925
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian Kerajaan tentang penggunaan dron di Malaysia. Apakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal undang-undang khusus bagi memastikan penggunaan dron yang selamat di Malaysia.
48. PR-1421-L03733
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status pemansuhan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah- Langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Perhimpunan Aman 2012, Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Hasutan 1948 dan bilakah akan dilakukan memandangkan Kerajaan telah bersetuju dan memberikan komitmen malah juga sebahagian daripada Manifesto Pakatan Harapan.
49. PR-1421-L03021
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menyediakan perkhidmatan talian tetap telefon dan internet di kawasan tumpuan pelancongan seperti di kawasan Simpang Mengayau (*Tips Of Borneo*) dan Pantai Kelambu di mana terdapat banyak chalet dan hotel pelancongan yang amat memerlukan perkhidmatan ini.
50. PR-1421-L03613
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan jaminan Kerajaan tentang pemberian subsidi haji kepada bakal jemaah yang membuat rayuan dan pengiring mahram haji.

51. PR-1421-L03656
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan potensi industri getah dalam jangka pendek dan jangka panjang. Nyatakan peluang dan persaingan yang dihadapi di pasaran antarabangsa serta tindakan strategik Kementerian dalam menghadapi kemungkinan-kemungkinan luar dugaan di pasaran komoditi ini.
52. PR-1421-L03932
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini kes pelajar ponteng di sekolah menengah dan apakah langkah yang diambil bagi menangani masalah tersebut.
53. PR-1421-L03903
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam memastikan status dan hak anak negeri Sabah terus kekal dilindungi dan dipelihara di Sabah.
54. PR-1421-L04006
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kapal Equanimity dan bagaimana status penyelenggaraan kapal mewah tersebut serta kosnya.
55. PR-1421-L(5)00032
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes penderaan fizikal serta penderaan seksual terhadap kanak-kanak yang telah direkodkan bermula Januari hingga Mac 2019 seperti berikut:-
- (a) jumlah kes setiap negeri dan statistik mengikut umur mangsa; dan
 - (b) jumlah kes mengikut jantina.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

56. PR-1421-L02918
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina pos kawalan tentera di Tapak Megah yang terletak di Bahagian Kapit yang bersempadan dengan Kalimantan.

57. PR-1421-L03801
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membentang dan membenarkan laporan dan cadangan-cadangan yang disediakan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dibahas dalam Parlimen.
58. PR-1421-L04117
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) status pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Nerus yang sepatutnya mula dibina pada Mei 2018 dan siap pada Jun 2020; dan
 - (b) bantuan yang diberikan kepada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) di seluruh negara.
59. PR-1421-L03534
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil perbincangan antara pihak Kementerian dengan pihak Kerajaan Sabah berkenaan Rancangan RO-RO Perkhidmatan Feri Kargo Penumpang antara Kudat, Sabah dan Buliluyan, Palawan oleh *Archipelago Philippines Ferries Corporation*.
60. PR-1421-L03135
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah atau perancangan Kementerian dalam menaik taraf institusi mahkamah Syariah di Malaysia; dan
 - (b) adakah kadar bayaran gaji kepada Hakim Syarie dan pegawai mahkamah berada di tangga gaji yang sepatutnya.
61. PR-1421-L04268
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan telah disalurkan di bawah Kumpulan Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak (MARRIS) untuk daerah Kampar bagi tahun 2017 dan 2018. Berapakah jumlah peruntukan wang telah diluluskan untuk tahun 2019 untuk daerah Kampar.

62. PR-1421-L03509
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kementerian bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan memandangkan peruntukan yang diberikan saban tahun tidak mencukupi.
63. PR-1421-L04001
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kes salah laku staf DBKL seperti salah guna kuasa, cuai, tidak cekap, ponteng kerja, menyalahgunakan aset DBKL, terlibat dengan amalan rasuah sepanjang 3 tahun lalu.
64. PR-1421-L03996
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) status rundingan dengan Singapura mengenai Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar sejurus kenyataan Menteri yang berpendapat bahawa ia akan memberi impak besar kepada pembangunan di Pasir Gudang disanggah oleh Menteri Luar Singapura; dan
 - (b) adakah Malaysia akan memulakan proses rundingan semula dengan Singapura berhubung pengurusan ruang udara di selatan Johor setelah ia diwakilkan kepada negara itu, pada tahun 1973.
65. PR-1421-L(5)00026
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah bangunan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang masih belum mendapat kedudukan Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC).

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

66. PR-1421-L03448
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dapatkah Kementerian mempercepatkan pembinaan blok guru yang telah terbakar pada November 2018 di SMK Medamit, Limbang.
67. PR-1421-L03008
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah keyakinan Kerajaan untuk menangani masalah perumahan bagi golongan B40 dan M40; dan

- (b) adakah dasar pembinaan satu juta rumah telah disesuaikan dengan kemampuan kewangan golongan berkenaan.

68. PR-1421-L03298

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha untuk meningkatkan gaji minima bulanan sekitar RM2,000 sebulan iaitu setara dengan Romania kerana GNI per kapita negara tersebut (USD10,000) hampir sama dengan GNI per kapita (USD9,650) negara kita.

69. PR-1421-L04019

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah benar setiap tahun tidak kurang 60,000 pelajar yang memohon dalam TVET tetapi disebabkan peruntukan kewangan yang disediakan tidak mencukupi merencatkan peluang ke arah melahirkan tenaga mahir yang berkualiti sedangkan ia adalah asas kemajuan untuk mencapai status negara maju.

70. PR-1421-L03245

Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan peruntukan untuk bantuan perumahan rakyat termiskin di kampung atau rumah panjang.

71. PR-1421-L03473

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan bagi membela nasib guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman dan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kadar Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK).

72. PR-1421-L04309

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan Klinik 1Malaysia (K1M) di seluruh Malaysia.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**
 - Rang Undang-Undang Kastam (Pindaan) 2019.

2. **Menteri Kewangan**
 - Rang Undang- Undang Eksais (Pindaan) 2019

3. **Menteri Kewangan**
 - Rang Undang-Undang Zon Bebas (Pindaan) 2019

4. **Menteri Kewangan**
 - Rang Undang-Undang Cukai Jualan (Pindaan) 2019

5. **Menteri Kewangan**
 - Rang Undang-Undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019 (D.R. 1/2019) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2018 seperti berikut :-**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima belas bilion empat ratus lapan puluh lima juta tiga ratus lapan puluh empat ribu dan satu ratus empat puluh dua ringgit (RM15,485,384,142) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2019 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (2 April, 2019)

2. (D.R 33/2018) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

3. (D.R 35/2018) Rang Undang-Undang Undang-Undang Sivil (Pindaan) 2018 "

[Perdana Menteri]

4. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM13,305 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan ST.68 bagi tahun 2019 disahkan. "

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan ST.47, ST.48, ST.49, ST.50, ST.51, ST.52, ST.53, ST.54, ST.55, ST.56, ST.57, ST.58, ST.60 dan ST.72 bagi tahun 2019 disahkan. "

7. PR-1421-U(27)029

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa penjelasan apakah strategi Kerajaan dalam rundingan dengan Singapura berhubung kait isu persempadanan dan kedaulatan ruang udara kedua-dua negara yang timbul sejak kebelakangan ini. Senario diplomatik Malaysia dan Singapura telah banyak berubah apabila isu-isu persempadanan ruang udara timbul secara spesifiknya melibatkan pemakaian Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar dan kewujudan Kawasan Larangan Kekal (PRA) untuk aktiviti ketenteraan di ruang udara Pasir Gudang. Kerajaan perlu melihat situasi ini secara serius apabila Singapura membantah kewujudan PRA di ruang udara Pasir Gudang kerana pada anggapan mereka ia akan mengekang aktiviti penerbangan awam walaupun begitu jelas PRA itu hanya ditujukan kepada aktiviti ketenteraan sahaja. Cabaran juga timbul dan perlu diselesaikan oleh Kerajaan apabila Malaysia membuat bantahan terhadap penggunaan ILS yang memerlukan pesawat mengguna ruang udara Pasir Gudang yang akan mengundang kekangan pembangunan fizikal bandar itu terutamanya membabit isu had ketinggian bangunan dalam laluan ILS. Rundingan antara kedua negara ini amat penting dalam mempertahankan kedaulatan persempadanan negara dan seharusnya Malaysia bertegas dan berhati-hati supaya akhirnya kedua-dua negara mendapat penyelesaian yang terbaik dalam hal ini."

[Menteri Pengangkutan]

8. PR-1421-U(27)030

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menjelaskan kegelisahan anak muda mengenai perancangan dan dasar yang menyeluruh melibatkan pembangunan golongan belia meliputi semua golongan masyarakat dan kaum di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai perancangan dasar yang jelas seperti yang dilaksanakan Kerajaan terdahulu melalui Transformasi Nasional 2050 yang menggariskan enam teras tumpuan pembangunan belia masa hadapan yang dinamik dan berwawasan. Anak muda kini dibelenggu kerisauan berkenaan dasar pembangunan belia dan dasar pembangunan sukan yang tidak jelas sehingga memberi kesan terhadap kemajuan serta penambahbaikan organisasi belia dan sukan secara keseluruhan. "

[Menteri Belia Dan Sukan]

9. PR-1421-U(27)031

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan dasar dan pelan yang menyeluruh berkenaan halatuju negara jangka masa panjang selepas tamatnya Wawasan 2020. Kerajaan perlu memberi penjelasan kepada kebimbangan rakyat serta membuka ruang perbincangan disamping mendapatkan input daripada rakyat berkenaan apakah rancangan Kerajaan merangkumi seluruh lapisan masyarakat pelbagai umur menyentuh kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat jangka masa panjang. Kegusaran rakyat kini adalah apa yang akan berlaku pada 30 tahun akan datang. Rakyat gusar mengenai cabaran taraf hidup yang semakin kompleks di samping keadaan sosioekonomi dan keselamatan yang tidak menentu menyebabkan kegagalan kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan akan terbantut. "

[Perdana Menteri]

10. PR-1421-U(27)032

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan perincian laporan penggunaan kewangan, perkembangan laporan pembangunan dan prestasi terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (JKPTVET). Fungsi dan peranan penubuhan jawatankuasa ini semenjak diperkenalkan pada 21 Jun 2018 dilihat belum memberikan gambaran jelas berkenaan pelan perkembangan dan strategi pencapaian yang amat penting untuk diketahui oleh rakyat khususnya anak muda pemegang taruh meliputi pelajar, komuniti, industri dan penyedia TVET awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam bidang kemahiran. Kerajaan secara serius perlu memberikan perhatian terhadap perkara ini kerana ia melibatkan pendidikan dan masa hadapan anak muda yang inginkan jaminan Kerajaan memastikan mereka berjaya dalam bidang kemahiran. "

[Menteri Pendidikan]

11. PR-1421-U(27)033

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap kebimbangan keadaan tidak selamat melibatkan banduan dalam penjara di seluruh negara merangkumi isu kepadatan sel, masalah kemudahan dalam penjara, tahap kawalan kesihatan dan keselamatan penjara serta penyebaran wabak penyakit. Kebanjiran jumlah banduan di dalam sesetengah penjara di negara ini menyebabkan keadaan yang tidak kondusif berlaku seterusnya mengakibatkan risiko penyebaran wabak penyakit yang lebih tinggi seperti penyakit TB dan kencing tikus. Sebuah kajian menyeluruh dan komprehensif harus dibentang dan dibincangkan segera bagi mendapatkan penyelesaian memandangkan situasi ini akan memberikan kesan terhadap persekitaran sekeliling dan ia akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan."

[Menteri Dalam Negeri]

12. PR-1421-U(27)034

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kerisauan rakyat berhubung usaha mendukung Perlembagaan Negara dengan memperkasa identiti kenegaraan dan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang dilihat semakin lesu dan tidak aktif. Kerajaan perlu membentangkan serta memberi ruang perbincangan dengan segera apakah perancangan terperinci dan strategi jangka masa panjang JPNIN untuk mengukuhkan perpaduan dan menyemai semangat Rukun Negara dalam diri setiap warganegara disamping membentangkan laporan kewangan dan prestasi JPNIN bagi suku ketiga dan keempat tahun 2018. Kerisauan yang timbul adalah Kerajaan baharu ini dilihat tidak memperkasa fungsi dan peranan JPNIN yang mempunyai struktur jawatankuasa yang efisien dan tersusun malah Kerajaan dilihat hilang fokus terhadap strategi menyediakan perancangan khusus bagi perpaduan dan integrasi nasional secara keseluruhan."

[Perdana Menteri]

13. PR-1421-U(27)035

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar Kerajaan dalam sektor automotif negara yang tidak seimbang dan memberikan lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Kerajaan perlu menjelaskan mekanisme dan strategi yang menyeluruh dalam memastikan syarikat-syarikat automotif tempatan seperti Syarikat Proton dan Perodua terus kompeten agar dilihat lebih berdaya saing dengan syarikat luar negara. Kerajaan juga harus menetapkan kewajiban buat seluruh institusi pentadbiran dan agensi Kerajaan seluruh negara menggunakan kenderaan berjenama tempatan sebagai kenderaan rasmi supaya ia dapat dilihat sebagai usaha menyokong semangat kenegaraan dan membantu merencanakan perkembangan produk kereta nasional."

[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]

14. PR-1421-U(27)039

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu **Jawatankuasa Pemilih Khas** ditubuhkan dan satu **referendum rakyat** diadakan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati.

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat. "

[Perdana Menteri]

15. PR-1421-U(27)040

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) tidak dibatalkan memandangkan ia sudah siap 20% dan Kerajaan perlu membayar pampasan yang tinggi kerana melanggar kontrak perjanjian. Tambahan pula, landasan yang akan memendekkan jarak perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu ini berupaya memberi manfaat ekonomi kepada negara dengan melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product* (GDP) di tiga negeri pantai timur sebanyak 1.5%. Ia juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi di pantai timur, rangkaian hubungan yang penting di antara timur dan barat serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar-luar bandar. Maka Dewan Rakyat menyeru agar YAB Perdana Menteri dan semua ahli Jemaah Menteri dapat meneruskan projek ECRL ini."

[Perdana Menteri]

16. PR-1421-U(27)041

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) dengan mengeluarkan unsur-unsur berkaitan kepentingan negara yang sensitif daripada Laporan CEP serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan oleh CEP. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan dewan ini pada 15 Oktober 2018 bahawa CEP telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018 dan pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Memandangkan enam bulan telah berlalu untuk Kerajaan untuk meneliti Laporan CEP, maka atas prinsip ketelusan dan akauntabiliti, tibalah masa bagi Kerajaan untuk mendedahkan Laporan CEP supaya rakyat Malaysia dapat memberikan input serta sama-sama menentukan hala tuju negara."

[Perdana Menteri]

17. PR-1421-U(27)042

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (*Institutional Reforms Committee-IRC*) serta laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan pembaharuan oleh IRC. Memandangkan wujudnya dakwaan oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan melalui affidavit yang boleh menjejaskan keyakinan orang awam terhadap institusi kehakiman baru-baru ini, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang substantif dalam pentadbiran institusi-institusi seperti badan kehakiman dalam negara. "

[Perdana Menteri]

18. PR-1421-U(27)043

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn Bhd dan Sime Darby seperti yang diwar-warkan, ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat yang dicarum melalui pelaburan Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

19. PR-1421-U(27)044

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan UEC adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, maka UEC boleh diiktiraf. Mantan Menteri Pelajaran iaitu ahli parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran sejarah dalam SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa semenjak tahun 2013.

Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk memperjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan, Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan."

[Menteri Pendidikan]

20. PR-1421-U(27)045

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan.

Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.

Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk cina. "

[Menteri Pendidikan]

21. PR-1421-U(27)046

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi

peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1.5 juta bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara.

Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

22. PR-1421-U(27)027

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Perdana Menteri]

23. PR-1421-U(27)028

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urustadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

24. PR-1421-U(27)036

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Banyak kuarters-kuarters guru yang dibina di seluruh negara dengan bagitu cantik dengan harga beratus juta ringgit ditinggalkan kosong tidak didiami. Kuarters ini telah banyak yang rosak dan tidak terjaga. Kawasan dipenuhi semak samun dan tidak terurus. Banyak yang menjadi tempat penagih dadah beroperasi dan kawasan ini menjadi bukti bagaimana Kerajaan tidak prihatin terhadap alam sekitar dan pembaziran wang rakyat yang amat luar biasa. Dicadangkan semua kuarters ini dijual kepada mana-mana pihak dengan harga yang berpatutan supaya beban tidak lagi ditanggung oleh Kerajaan dan pulangan dari jualan ini boleh digunakan bagi mereka yang memerlukan."

[Menteri Pendidikan]

25. PR-1421-U(27)037

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Dadah telah mula masuk ke sekolah-sekolah. Walau pun jumlahnya masih kecil tetapi tindakan segera mesti diambil. Bagi mengelak dari pelajar terlibat sekolah disarankan memperbanyakkan kegiatan pasukan beruniform seperti kadet tentera, kadet polis, kedet bomba, pengakap dan lain-lain pasukan beruniform dan perbanyakkan aktiviti luar sekolah. Kegiatan ini semua akan membina perasaan kekitaan dan saling tegur menegur. Jabatan kaunseling di sekolah juga mesti diperkemaskan agar pelajar yang menghadapi masalah cepat dikenal pasti dan diambil tindakan."

[Menteri Pendidikan]

26. PR-1421-U(27)038

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Kemalangan jalan raya makin meningkat di negara ini. Di antara punca kemalangan ialah pengguna yang cuai dan penguatkuasaan oleh agensi yang lemah. Sebagai contoh kemalangan melanggar kenderaan yang diberhenti di bahu jalan, atau kenderaan yang rosak ditinggalkan tanpa dipaparkan notis kereta/kenderaan rosak. Kerajaan hendaklah menggunakan semua ruang seperti TV dan radio bagi menyebarkan maklumat kepada pengguna jalan raya jika kenderaan mereka rosak, notis secukupnya mesti dipamerkan agar pengguna yang lain sedar dan tahu masalah wujud di hadapan mereka dan mereka akan bersedia untuk elakkan dari melanggar kenderaan yang rosak ini."

[Menteri Pengangkutan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 38	<p>Akta Cukai Pendapatan 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Kehendak Bagi Pengendali Takaful Yang Menjalankan Perniagaan Takaful Semula) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 384/2018 yang diwartakan pada 31 Disember 2018 	3 April 2019
ST. 39	<p>Akta Cukai Pendapatan 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Kehendak Bagi Penanggung Insurans Yang Menjalankan Perniagaan Insurans Semula) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 383/2018 yang diwartakan pada 31 Disember 2018 	3 April 2019
ST. 40	<p>Akta Cukai Pendapatan 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.5) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 356/2018 yang diwartakan pada 27 Disember 2018 	3 April 2019
ST. 41	<p>Akta Cukai Pendapatan 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Bayaran Premium Kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia) (Pindaan) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 311/2018 yang diwartakan pada 29 November 2018 	3 April 2019
ST. 42	<p>Akta Cukai Pendapatan 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.4) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 310/2018 yang diwartakan pada 29 November 2018 	3 April 2019

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 43	<p>Akta Cukai Pendapatan 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 251/2018 yang diwartakan pada 2 Oktober 2018 	3 April 2019
ST. 44	<p>Akta Cukai Pendapatan 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 156/2018 yang diwartakan pada 5 Julai 2018 	3 April 2019
ST. 45	<p>Akta Cukai Pendapatan 1967 Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 360/2018 yang diwartakan pada 28 Disember 2018 	3 April 2019
ST. 46	<p>Akta Cukai Pendapatan 1967 Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) (No.3) 2018</p> <p>P.U. (A) 372/2018 yang diwartakan pada 31 Disember 2018</p>	3 April 2019
ST. 47	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) 2016 (Pindaan) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 242/2018 yang diwartakan pada 3 Oktober 2018 	3 April 2019
ST. 48	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Dipercepat) (No.2) 2014 (Pindaan) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 243/2018 yang diwartakan pada 3 Oktober 2018 	3 April 2019

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 49	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.3) 2013 (Pindaan) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 244/2018 yang diwartakan pada 3 Oktober 2018 	3 April 2019
ST. 50	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.4) 2013 (Pindaan) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 245/2018 yang diwartakan pada 3 Oktober 2018 	3 April 2019
ST. 51	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2014 (Pindaan) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 246/2018 yang diwartakan pada 3 Oktober 2018 	3 April 2019
ST. 52	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2015 (Pindaan) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 247/2018 yang diwartakan pada 3 Oktober 2018 	3 April 2019
ST. 53	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.2) 2015 (Pindaan) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 248/2018 yang diwartakan pada 3 Oktober 2018 	3 April 2019

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 54	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2016 (Pindaan) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 249/2018 yang diwartakan pada 3 Oktober 2018 	3 April 2019
ST. 55	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.2) 2016 (Pindaan) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 250/2018 yang diwartakan pada 3 Oktober 2018 	3 April 2019
ST. 56	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 289/2018 yang diwartakan pada 8 November 2018 	3 April 2019
ST. 57	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Pembatalan) 2019</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 31/2019 yang diwartakan pada 31 Januari 2019 	3 April 2019
ST. 58	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2019</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 69/2019 yang diwartakan pada 8 Mac 2019 	3 April 2019
ST. 60	<p>Akta Kastam 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 325/2018 yang diwartakan pada 24 Disember 2018 	3 April 2019

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 68	<p>Akta Cukai Jualan 2018 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) (No.3) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U.(A) 400/2018 yang diwartakan pada 31 Disember 2018 	3 April 2019
ST. 69	<p>Akta Cukai Jualan 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No.2) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U.(A) 403/2018 yang diwartakan pada 31 Disember 2018 	3 April 2019
ST. 70	<p>Akta Cukai Jualan 2018 Perintah Cukai Jualan (Barang yang Dikecualikan Daripada Cukai) (Pindaan) (No.4) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U.(A) 404/2018 yang diwartakan pada 31 Disember 2018 	3 April 2019
ST. 71	<p>Akta Cukai Perkhidmatan 2018 Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U.(A) 380/2018 yang diwartakan pada 31 Disember 2018 	3 April 2019
ST. 72	<p>Akta Kastam 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U.(A) 379/2018 yang diwartakan pada 31 Disember 2018 	3 April 2019
ST. 73	<p>Akta Cukai Pendapatan 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.2) 2019</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U.(A) 55 yang diwartakan pada 27 Februari 2019 	3 April 2019
ST.81	<p>Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Bagi Tahun 2018</p>	3 April 2019

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.82	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia Bagi Tahun 2017	3 April 2019
ST.83	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Malaysia Bagi Tahun 2017	3 April 2019
ST.88	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan Bagi Tahun 2017	3 April 2019
ST.92	Laporan Tahunan Dan Penyata Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Bagi Tahun 2017	3 April 2019

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 03.04.2019 (Rabu)	1. YB Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)	1. Lokasi Stabar Quarry (Kuching) Yang Terlalu Dekat Kepada Kawasan Perumahan	1. YB Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli
2. 03.04.2019 (Rabu)	2. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	2. Krisis Air Di Tawau, Sabah	2. YB Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**